

14 DEC 1998

LHDN-Cukai

320,000 DIKECUALIKAN POTONGAN CUKAI TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Semua majikan telah diarah memberhentikan potongan cukai berjadual (PCB) dalam tahun 1999 mulai bulan depan bagi 320,000 pekerja yang menyertai pasaran buruh selepas 1 Jan 1995 dan pekerja-pekerja di Sabah dan Sarawak.

Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Hasmah Abdullah hari ini berkata LHDN telah mengeluarkan arahan mengenai perkara itu kepada semua majikan secara berperingkat-peringkat sejak Isnin lepas.

Senarai nama pekerja yang dikecualikan daripada PCB tahun depan turut disertakan dalam surat arahan itu dan mereka yang bekerja selepas Januari 1995 tetapi tidak disenaraikan dalam surat arahan itu dikehendaki menyemaknya dengan pejabat LHDN yang terdekat, katanya dalam satu persidangan berita di sini.

Beliau berkata semakan itu penting bagi membolehkan LHDN mengeluarkan arahan kepada majikan supaya pemberhentian PCB itu dibuat ke atas mereka.

Hasmah berkata pemberhentian PCB bagi mereka yang bekerja mulai 1 Jan 1995 dan pekerja-pekerja di Sabah dan Sarawak dibuat kerana potongan cukai di bawah PCB mereka ialah untuk bayaran cukai bagi pendapatan tahun semasa.

Bagaimanapun, katanya, pemberhentian PCB itu tidak melibatkan kira-kira 800,000 pekerja yang menyertai pasaran buruh sebelum 1 Jan 1995 kerana sistem taksiran cukai di bawah PCB sebelum tarikh itu berasaskan tahun sebelumnya.

Pemberhentian PCB bagi 1999 untuk pekerja tertentu itu adalah selaras dengan pelaksanaan sistem baru pembayaran cukai pendapatan berdasarkan tahun semasa mulai tahun 2000 yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Belanjawan 1999 Oktober lepas.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan Pertama, turut mengumumkan pengecualian pembayaran cukai oleh semua pekerja bagi pendapatan tahun 1999 bagi meringankan beban pembayar cukai.

Hasmah berkata Sabah dan Sarawak telah mengamalkan PCB bagi tahun semasa sejak undang-undang cukai diperkenalkan masing-masing pada 1956 dan 1960.

Bagaimanapun, katanya, PCB bagi tahun semasa akan dikenakan semula kepada para pekerja terbabit pada tahun 2000 serentak dengan mereka yang mula bekerja sebelum 1 Jan 1995.

Beliau juga berkata mereka yang mula bekerja mulai Januari tahun depan dikecualikan daripada potongan cukai.

Katanya, pendapatan bagi tahun 1999 yang dikecualikan daripada cukai pendapatan tertakluk kepada kesemua pendapatan dan remitan yang ditetapkan LHDN dan yang diperolehi dalam tempoh asas 1999 kecuali dividen.

Beliau berkata majikan yang masih keliru dengan pelaksanaan sistem baru pembayaran cukai itu boleh mendapatkan bantuan pejabat LHDN yang bersedia memberi penerangan kepada majikan dan pekerja.

-- BERNAMA

ARA AKD